

**GARIS PANDUAN PEMILIHAN CALON-CALON GURU TAUliaH MENGAJAR AGAMA ISLAM
DALAM NEGERI PERAK DI BAWAH JAWATANKUASA PENGAwasan PENGAJARAN
DAN SYARAHAN AGAMA 2013**

PENDAHULUAN

1. Garis Panduan ini dinamakan Garis Panduan Pemilihan Calon-Calon Guru Tauliah Mengajar Agama Islam Dalam Negeri Perak.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Dan Syarahan Agama 2013 Bil. 1 / 2017 yang bersidang pada 27 Februari 2017 telah memutuskan supaya Garis Panduan ini digubal dan digunakan sebagai asas dalam menimbang setiap permohonan terhadap calon-calon yang memohon untuk menduduki ujian bertulis dan lisan bagi mendapatkan tauliah Tauliah Mengajar Agama Islam Dalam Negeri Perak.

PEMAKAIAN

3. Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada Jawatankuasa dan urusetia pemilihan yang dilantik oleh Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Dan Syarahan Agama 2013 Bil. 1 / 2017. Jawatankuasa dan urusetia pemilihan hendaklah bertindak berdasarkan arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Dan Syarahan Agama 2013 dari masa ke semasa.

TUJUAN

3. Garis Panduan ini diwujudkan bertujuan untuk :

- (a) Menjelaskan kehendak dan maksud Peraturan-Peraturan Pengawasan Pengajaran Dan Syarahan Agama 2013 di bawah seksyen 5 (2);
- (b) Memperkemaskan kehendak dan maksud Peraturan-Peraturan Pengawasan Pengajaran Dan Syarahan Agama 2013 di bawah seksyen 5 (3); dan
- (c) Merupakan rujukan mengenai tatacara pemilihan calon Guru Tauliah Mengajar Agama Islam oleh Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Dan Syarahan Agama 2013.

PELAKSANAAN

4. Kriteria umum pemilihan calon:

- (a) Syarat kelayakan ;

Setiap calon-calon yang berkelayakan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 65 tahun;
- ii. Beragama Islam, berpegang dan beramal dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah daripada segi akidah, syariah dan akhlak;

- iii. Mempunyai kelayakan akademik minima iaitu kelulusan Sijil Empat Sanawi atau yang setaraf dengannya;
 - iv. Mempunyai pengetahuan agama Islam yang baik , berakhlek mulia dan melibatkan diri dalam aktiviti masyarakat;
 - v. Boleh membaca dan menulis tulisan Jawi dengan baik;
 - vi. Sihat tubuh badan dan mental; dan
 - vii. bersedia mematuhi Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 dan Peraturan-Peraturan Pengawasan Pengajaran Dan Syaran Agama 2013 serta lain-lain garis panduan berkaitan;
- (b) Gugur kelayakan;

Calon-calon yang mempunyai kriteria seperti berikut adalah tidak layak untuk dicalonkan untuk menduduki peperiksaan Tauliah Mengajar Agama Islam:

- i. Disabitkan dengan kesalahan jenayah dalam mana-mana mahkamah sivil atau mahkamah Syariah;
- ii. Diisyiharkan bankrap;
- iii. Disabitkan terlibat dengan mana-mana pertubuhan, kumpulan atau gerakan yang bercanggah dengan keselamatan Negara atau bersalah dengan undang-undang dan fatwa.
- iv. Gagal mengemukakan dokumen yang material sepertimana dalam syarat permohonan dalam waktu yang ditetapkan.

PENGECUALIAN

Walau apa pun yang ditentukan oleh garis panduan ini, Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Dan Syaran Agama 2013 boleh dalam keadaan tertentu yang difikirkan perlu, mengecualikan mana-mana orang atau peruntukan yang ditentukan oleh garis panduan ini.

TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini mula berkuat kuasa mulai 28 Februari 2017.

t.t

(TAN SRI DATO' SERI (DR.) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA)

Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Dan Syaran Agama 2013

Tarikh : 27 Februai 2017.